

# **PERKEMBANGAN EMOSI : EMOSI REMAJA DAN PEMBENTUKAN KONSEP KENDIRI**

## **(Part 6)**

Azizi Hj Yahaya

### **3. Perkembangan Emosi Remaja**

Istilah remaja atau 'adolescence' berasal dari perkataan latin 'adolescere' yang bermaksud bertambah matang. Kamus Dewan pula mendefinisikan remaja sebagai mulai dewasa, sudah akhil baligh, sudah cukup umur untuk berkahwin sementara Azizi et. Al., 2005 menyatakan remaja merujuk kepada satu peringkat perkembangan yang membawa seseorang daripada zaman kanak-kanak kepada zaman dewasa. Keremajaan merupakan satu jangka masa yang mencabar dalam perkembangan seseorang kerana semasa remajalah berlakunya perubahan-perubahan fizikal yang ketara berkaitan akil baligh dan juga perubahan-perubahan kognitif dan sosial yang penting. Steinberg (1993) dan Steinberg dan Belsky (1991) mengemukakan teori pergolakan dan tekanan mengatakan masa remaja adalah satu peringkat pertikaian emosi yang tidak dapat dielakkan. Beliau percaya perubahan hormon semasa akil baligh menyebabkan perubahan atau pergolakan yang berlaku secara tiba-tiba di kalangan remaja. Pergolakan ini adalah perubahan biologi yang tidak dapat dielakkan.

Emosi wujud sejak lahir lagi. Bayi apabila dirangsang, bayi akan memberi tindakbalas, walaupun pada peringkat awal agak sukar untuk ditentukan samada rangsangan yang diberikan menyenangkan atau dibencinya namun lama kelamaan emosi bayi itu dapat dipastikan dari reaksi gembira, menangis, takut, terkejut dan suka yang dipaparkan. Perkembangan emosi semakin nyata semasa kanak-kanak, dikatakan kanak-kanak berusia dua tahun sudah ada emosi cemburu dan dengki, sayang dan benci terhadap orang-orang yang memerhatikannya. Sebaik sahaja memasuki sekolah, kanak-kanak sudah lengkap dengan alatan-alatan emosinya sehingga mereka mempunyai tingkahlaku emosinya sendiri dan berkembang sehingga remaja yang mengarah kepada tingkahlaku agresif atau tingkahlaku bela diri.

CONTINUE...